

# **PERBARISAN PEMBUBARAN DAN PENGANUGERAHAN PINGAT PERKHIDMATAN NEGARA BANGSA-BANGSA BERSATU MALBATT 850-4**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2516-perbarisan-pembubaran-dan-penganugerahan-pingat-perkhidmatan-negara-bangsa-bangsa-bersatu-malbatt-850-4](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2516-perbarisan-pembubaran-dan-penganugerahan-pingat-perkhidmatan-negara-bangsa-bangsa-bersatu-malbatt-850-4)

POR T DICKSON, 5 Okt 17 - Perbarisan Pembubaran dan Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Negara Bangsa-Bangsa Bersatu (Pingat PNBB) kepada kontinjen *Malaysian Battalion 850-4 (MALBATT 850-4)* telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor hari ini di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson.



Majlis penganugerahan pingat PNBB ini adalah bagi mengiktiraf kejayaan pasukan tersebut semasa menjalankan misi *United Nations Interim Force in Lebanon* (UNIFIL) di bawah panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) selama 12 bulan mulai 21 Sep 16 hingga 21 Sep 17.



MALLBAT 850-4 telah diketuai oleh Kol Riezal Arif bin Ismail dengan berkekuatan seramai 850 anggota terdiri daripada 76 pegawai dan 774 anggota lain-lain pangkat (LLP) termasuk 3 pegawai dan 24 anggota dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) serta seorang pegawai awam kewangan dari Kementerian Pertahanan.



Turut hadir pada majlis tersebut adalah Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM yang mewakili Panglima Tentera Udara.



